

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT PERKASA 2,000 USAHAWAN MELALUI BAZAR RAMADAN BERSKALA NASIONAL & PEMBAYARAN DIGITAL SELAMAT

Kuala Lumpur, 10 Mac 2026 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) terus memperkukuh peranannya sebagai institusi kewangan Islam progresif apabila menganjurkan Bazar Ramadan berskala nasional tahun ini, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa usahawan tempatan dan menyokong agenda ekonomi inklusif Malaysia Madani.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan ekosistem keusahawanan yang mampan, berteraskan nilai ihsan dan kebersamaan, Bank Muamalat menerusi kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan **Bazar Ramadan di sembilan (9) lokasi strategik sekitar Kuala Lumpur bagi tahun kedua.**

Inisiatif ini turut **diperluaskan ke 10 buah negeri lain serta memanfaatkan lebih 2,000 usahawan seluruh negara** melalui kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terpilih, menjadikannya antara penganjuran Bazar Ramadan yang paling meluas pernah dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam di negara ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin berkata, penganjuran berskala nasional ini mencerminkan peranan Bank Muamalat sebagai institusi kewangan Islam penuh yang bukan sahaja menyokong pembiayaan, malah membina ekosistem ekonomi rakyat secara menyeluruh.

“Sebagai institusi kewangan Islam, tanggungjawab kami melangkaui penyediaan perkhidmatan kewangan. Kami berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang inklusif, beretika dan berteraskan nilai ihsan,” katanya.

“Bazar Ramadan bukan sekadar ruang niaga, tetapi platform penting untuk memperkasa usahawan kecil dan mikro agar mereka dapat menjana pendapatan secara bermaruah. Melalui kerjasama bersama DBKL dan PBT di beberapa negeri, Bank Muamalat komited untuk menyokong pertumbuhan ekonomi ummah secara mampan, selari dengan prinsip Maqasid Syariah.

Beliau menambah, Bazar Ramadan Bank Muamalat bukan sekadar ruang niaga bermusim, tetapi platform pemerkasaan usahawan kecil dan mikro agar mereka dapat menjana pendapatan secara bermaruah dan mampan.

“Melalui kerjasama strategik bersama DBKL dan PBT di seluruh negara, kami menyokong pertumbuhan ekonomi ummah yang selari dengan prinsip Maqasid Syariah, iaitu menjaga kebajikan dan kelangsungan rezeki masyarakat,” jelas beliau.

Dalam usaha memperkukuh pengalaman niaga yang lebih moden dan selamat, Bank Muamalat menyediakan **kemudahan pembayaran digital melalui QR Soundbox kepada peniaga bazar terlibat, membolehkan transaksi tanpa tunai yang pantas, selamat dan lancar**. Inisiatif ini selari dengan agenda pendigitalan pembayaran negara oleh Bank Negara Malaysia, sekali gus menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang telus dan inklusif dalam kalangan peniaga kecil.

Selain kemudahan pembayaran digital, Bank Muamalat turut menyediakan sokongan berbentuk kemudahan asas termasuk **kanopi, apron dan topi kepada pemegang lesen bazar yang terlibat**, sebagai usaha meringankan kos operasi dan meningkatkan profesionalisme peniaga.

Penganjuran Bazar Ramadan Bank Muamalat ini mencerminkan kesepaduan kukuh antara sektor awam dan swasta dalam membangunkan ekosistem keusahawanan yang lebih inklusif, selari dengan aspirasi kepimpinan negara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Untuk maklumat lanjut mengenai lokasi Bazar Ramadan Bank Muamalat, sila layari www.muamalat.com.my.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.